

23 FEB 1977

BERNAMA

PEH. 2/77/80 (TEL)

DR. MAHATHIR LANCAR MESYUARAT PERTAMA
JAWATANKUASA PENYELARASAN PENYERTAAN
BUMIPUTRA

Ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,
Dr. Mahathir bin Mohamad, melancarkan mesyuarat pertama Jawatankuasa
Penyelarasan Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian
Peringkat Kebangsaan pada 25hb. Februari, 1977 di Bilik Gerakan,
Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pukul 9.30 pagi.

Saya mengucapkan Selamat pagi dan selamat datang ke mesyuarat
pertama Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan
dan Perindustrian Peringkat Kebangsaan. Sukacita saya mengucapkan
tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian
di atas daya usaha beliau menggerakkan pelancaran mesyuarat pertama
Jawatankuasa ini yang mana amatlah sesuai dengan tugas Kementerian
Perdagangan dan Perindustrian memikul sebahagian **besar** daripada beban
kerja memesatkan penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan
perindustrian. Saya juga mengucap terimakasih kepada Yang Berhormat
Menteri atas kehormatan yang diberikan kepada saya mempengerusikan
Jawatankuasa ini.

Sebagaimana yang tuan-tuan sedia maklum banyak agensi Kerajaan
terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha meninggikan
penglibatan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian. Tugas ini
amatlah kompleks dan dalam menjalankan fungsi ini besar kemungkinannya
badan-badan Kerajaan bergerak bersendirian dan meninjal-tinjal kerja,
kadang-kadang bersaing antara satu sama lain dan mengurangkan
kecekapan dan faedah dari usaha mereka. Oleh sebab ini penyelarasan oleh
sebuah jentera seperti Jawatankuasa ini amatlah perlu bagi mengelakkan
atau sekurang-kurangnya mengurangkan percanggahan, penindihan dan
ketidaktepatan rancangan-rancangan yang dijalankan dan menyalurkan
arahan-arahan serta polisi Kerajaan Pusat sehingga sampai kepada operasi-
operasi di peringkat daerah. Saya mengucapkan tahniah kepada negeri-
negeri yang telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan
Bumiputra Peringkat Negeri dan ada pula yang telah menubuhkan Jawatankuasa
ini di peringkat daerah. Ini akan memudahkan dan mempercepatkan lagi
kerja-kerja yang akan diuruskan oleh Jawatankuasa Peringkat Pusat ini.

Sejak Seminar Ekonomi Bumiputra yang pertama diadakan, hasrat
dan polisi Kerajaan terhadap penglibatan kaum Bumiputra dalam bidang
Ekonomi tidak lagi boleh diragukan. Secara lebih 'specific' Dasar Ekonomi
Pahru menentukan objective yang hendak dicapai dalam jangka masa yang
tentu. Yang menjadi masalah sekarang ialah cara dan anjakan jenis
halangan dan masalah yang terdapat dalam usaha mencapai matlamat
tersebut. Dengan perkataan lain masalah yang kita hadapi ialah masalah
pelaksanaan dan tidak lagi masalah polisi secara macro, walaupun secara
micro masih kita berkehendakan pembentukan polisi.

(tambahan)

Dalam usaha melaksanakan sesuatu polisi, kita bukan sahaja berkehendakan kakitangan dan kemudahan, tetapi kita juga berkehendakan kepada kuasa. Tanpa kuasa, polisi dan rancangan tidak ada makna. Oleh sebab itu kita bentuk Jawatankuasa ini dengan ahli yang terdiri dari mereka yang memegang teraju Kerajaan diperingkat Pusat dan Negeri. Kita percaya dan kita berharap dengan adanya Menteri-Menteri Pusat dan Menteri Besar/Ketua Menteri dalam Jawatankuasa ini, arahan yang dikeluarkan akan dapat dilaksanakan tanpa terhalang oleh penilik-pemilik kuasa diperingkat jabatan dan lain-lain peringkat. Saya sebutkan perkara ini bukan dengan kerana pegawai-pegawai sengaja menghalang usaha kearah penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian tetapi kadangkala interpretasi mereka mungkin tidak sama dan selaras dengan tujuan asal pembentuk polisi.

Selain dari itu ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri juga daripada mereka yang bertanggungjawab secara langsung dengan pelaksanaan dan wakil-wakil dari peniaga-peniaga Bumiputra sendiri. Keahlian mereka akan merapatkan perhubungan semua pihak dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha dan peniaga Bumiputra dapat diketengahkan secara langsung dan mudah.

Saya berharap semua ahli akan menumpu tenaga dan fikiran ber-cungguh-sungguh terhadap bidang-tugas Jawatankuasa ini dan menjadikannya alat yang berkesan untuk mencapai matlamat dan nisbah penyertaan Bumiputra dalam bidang perusahaan dan perindustrian di negara ini.

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelidikan Penyertaan Bumiputra Dalam Perdagangan dan Perindustrian Peringkat Kebangsaan ini mempunyai dua tujuan utama:-

- (A) Memastikan jentera penyelaksan usaha-usaha memperhebatkan kegiatan-kegiatan ekonomi Bumiputra serta fungsi-fungsi yang perlu dilaksanakan.
- (b) Membincangkan kedudukan penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian serta hasil-hasil pelaksanaan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan bagi memberi bantuan-bantuan kearah menjayakan penyertaan Bumiputra ini dan masalah-masalah yang berkaitan untuk diremungkan bersama serta kajian-kajian selanjutnya.

Dengan itu saya mengucapkan selamat bersidang.

HAMID BU NUR,
25hb. Februari, 1977.

(dikeluarkan pada pukul 12.00 t/hari)

WT/maz
